

18 SEP 2003

PM GIGIL DENGAN ANCAMAN BUNUH KE ATAS ARAFAT

PUTRAJAYA, 18 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menyifatkan tindakan Amerika Syarikat memveto resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bnagsa Bersatu (PBB) terhadap ancaman Israel untuk membunuh atau mengusir Presiden Palestin Yasser Arafat sebagai sesuatu yang "menakutkan".

"Bila ada veto, ini bermakna macam menghalalkan pembunuhan. Ini suatu perkara yang menakutkan," kata Perdana Menteri di luar jamuan perpisahan bekas Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik di Seri Perdana, di sini.

Sambil melahirkan rasa sedih terhadap perkara itu, beliau berkata ia bermakna pembunuhan dibenarkan apabila sesebuah negara terbabit dengan konflik.

Ditanya sama langkah AS itu akan menyemarakkan lagi kemarahan terhadap Washington, Dr Mahathir bvrkata: "Jika berlaku sesuatu ke atas Arafat, saya yakin perasaan itu akan bertambah buruk."

Israel menerima kecaman antarbangsa minggu lepas selepas mengumumkan keputusan "mengusir" Arafat yang dianggap penghalang kepada keamanan.

Arafat dilaporkan berkata beliau tidak gentar dengan keputusan AS itu.

-- BERNAMA

MAM MOZ